

D186

U 8396 A A B

MAHATHIR - PELABURAN

(I)

KUALA LUMPUR, 6 NOV (BERNAMA)-- MALAYSIA BERSEDIA MENGADAKAN INSENTIF-INSENTIF BARU DAN **KADAR CUKAI YANG LEBIH MENGUNTUNGAN** KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT ANTARABANGSA **MILIK ASING BAGI MEMBUKA IBU PEJABAT** OPERASI MEREKA **BAGI** KAWASAN ASIA PASIFIK, DI **NEGARA INI**, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INS.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MAHU LEBIH RAMAI **PELABUR ASING** DATANG KE **NEGARA INI** DENGAN MEMBAWA KEPAKARAN TEKNOLOGI DAN PEMASARAN **BAGI** DIGANDINGKAN DENGAN SUMBER-SUMBER DAN **BURUH** TEMPATAN.

BELIAU **PENUH YAKIN** GANDINGAN SEUMPAMA ITU AKAN MENGHASILKAN **+KEUNTUNGAN YANG TINGGI+ BAGI** KEDUA-DUA **PIHAK**, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN **+FORUM** EKONOMI DUNIA: MESYUARAT KEBANGSAAN MENGENAI MALAYSIA+ DI **SINI**.

MALAYSIA BERUPAYA MENERIMA LEBIH **BANYAK** TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN **ASING, TEGAS BELIAU**, DAN MENAMBAH BAHAWA KERAJAAN **SERIOUS** UNTUK **MENJADIKAN** **NEGARA INI** SEBAGAI TEMPAT YANG MENARXK DAN **TIDAK** TERLALU **MAHAL** UNTUK MENJALANKAN PERNIAGAAN.

FORUM DUA HARI ITU BERTUJUAN MENINJAU PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN **DI** MALAYSIA DAN DIANJURKAN OLEH WORLD ECONOMIC **FORUM**, SEBUAH YAYASAN **BEBAS** DAN TIDAK MENGAMBIL **UNTUNG**, YANG DITUBUHKAN DI **SWITZERLAND** PADA 1971.

IA **DIHADIRI** OLEH KIRA-KIRA 80 ORANG PESERTA TEMPATAN DAN **ASING**, YANG SEBAHAGIAN BESARNYA ADALAH PENIAGA. DI **SAMPING** 40 ORANG PESERTA **ASING**, YANG KEBANYAKANNYA **DARI** **EROPAH**, FORUM ITU TURUT **DISERTAI** OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN. -- **LAGI**

1446MST 06 11 89

D220

UB405 A A B
MAHATHIR - PELABURAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK **SERI** DR MAHATHIR BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SEJAK **DUA** TAHUN LEPAS ADALAH PESAT **DENGAN KELUARAN** KASAR DALAM NEGERI BERADA **PADA** TAHAP **8.7 PERATUS**, YANG TERTINGGI DALAM DEKAD **INI**.

PERTUMBUHAN TAHUN **INI** DIJANGKA ANTARA TUJUH DAN **LAPAN** PERATUS SEMENTARA PERTUMBUHAN TAHUN DEPAN KEMUNGKINAN BESAR SEDERHANA **PADA** **PARAS 6 . 5 PERATUS**, YANG DIANGGAP **TINGGI** PADA PERINGKAT ANTARABANGSA? TAMBAH BELIAU.

SAMBIL MENYIFATKAN PENGEMBANGAN EKONOMI MASA **KINI** SEBAGAI **MENGALAKKAN**, DATUK **SERI** DR MAHATHIR BERKATA SEKTOR PEMBUATAN BERKEMBANG SEBANYAK 17.6 PERATUS TAHUN LEPAS SEMENTARA PERTANIAN DAN PERLOMBONGAN TERUS BERKEMBANG.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA SEKTOR **PELANCONGAN**, YANG BEGITU **BERPOTENSI**, DAN INDUSTRI-INDUSTRI BERKAITAN JUG4 TURUT DIKEMUKAKAN **BAGI** MENIKMATI +PERTUMBUHAN **TINGGI**+ DALAM TAHUN **1990-AN**.

PERDANA MENTERI BERKATA AKAUN MODAL **BAGI** **IMBANGAN PEMBAYARAN** MALAYSIA **TERUS** KUKUH DAN BELIAU **MENJANGKA** SIMPANAN ANTARABANGSA NEGARA AKAN MENINGKAT MELEBIHI **AS\$7,500 JUTA** PADA HUJUNG TAHUN **INI**.
- - **LAGI**

1558MST 06 11 89

D226

U 8415 AAB
MAYATHIR - PELABURAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MALAYSIA **JUGA** SEDANG MEMPERTINGKATKAN PERKHIDMATAN LAUT DAN UDARA **SERTA** PERKHIDMATAN INSURANS DAN PENGANGKUTAN.

BELIAU MEMBERITAHU FORUM ITU BAHAWA MALAYSIA MENGALAKKAN KELONGGARAN DALAM MENENTUKAN GAJI DAN NEGARA **INI** MENGGUNAKAN SISTEM GAJI YANG MENGALAKKAN PRODUKTIVITI.

INI, KATANYA, ADALAH **BAGI** MEMPASTIKAN MALAYSIA TERUS BERSAING **PADA** PERINGKAT ANTARABANGSA.

KETIKA MENYENTUH MENGENAI **PENGANGGURAN**, BELIAU BERKATA KEADAAN **KINI** MULA MENUNJUKKAN +TANDA-TANDA **JELAS**+ UNTUK **REDA**. SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA MASALAH PENANGGURAN MERUPAKAN MASALAH **ASAS** DAN MEMERLUKAN **MASA** YANG PANJANG UNTUK MENYELESAIKANNYA.

DATUK **SERI** DR MAHATHIR BERKATA INFLASI DIJANGKA MENINGKAT TETAPI TIDAK AKAN LEBIH DARIPADA **EMPAT** PERATUS TAHUN **INI**. KADAR INFLASI NEGARA **INI** BERADA **PADA** KADAR 2.5 PERATUS TAHUN LEPAS.

BAGAIMANAPUN, ANGKA ITU DIANGGAP **RENDAH** **PADA** PERINGKAT ANTARABANGSA DAN KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU **BAGI** MENGEKALKAN KADAR **ITU**, TAMBAH BELIAU.

BELIAU KEMUDIAN MENGADAKAN DIALOG TERTUTUP DENGAN **PARA** PESERTA.
-- BERNAMA

1614MST 06 11 89